

# Pairin beli Adun guna wang Pusat

Oleh Izman Ismail

KUALA LUMPUR, Ahad — Tindakan Ketua Menteri Sabah menaikkan gaji dan elaun Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) negeri itu melebihi kadar biasa di negeri lain, adalah tindakan keterlaluan bagi kepentingan politik peribadi, kata Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, tindakan Datuk Joseph Pairin Kitingan menggunakan peruntukan Kerajaan Pusat itu juga untuk memancing Adun terutama parti lain menyertai kerajaan Parti Bersatu Sabah (PBS).

"Pairin sanggup berbuat demikian semata-mata untuk menunjukkan kuasanya walaupun kerajaan negeri mengalami pelbagai masalah di samping ekonomi negeri yang tidak mantap.

pembantu menteri. Yang Dipertua Dewan, Timbalannya, Adun dan setiausaha politik. Kenaikan hampir 100 peratus itu berkuatkuasa 1 Januari.

Gaji Ketua Menteri naik daripada RM7,000 kepada RM13,000 sebulan, Timbalan Ketua Menteri (RM6,000 kepada RM11,500) dan Menteri (RM5,500 kepada RM9,500) manakala Adun (RM2,000 kepada RM3,000).

Mengenai kemungkinan enam Adun Usno yang menyertai Umno disingkirkan daripada DUN Sabah mengikut Perkara 18 (2e) perlembagaan negeri, Dr Mahathir berkata, tindakan itu tidak adil dan bertentangan dengan prinsip demokrasi.

Menurutnya, Pairin tidak boleh menjadi pendakwa dan hakim dalam

"Dia mungkin terpaksa bertindak demikian untuk memujuk Adun Usno menyertai kerajaan campuran yang ditaja oleh PBS," katanya selepas upacara Penyerahan Obor Larian Kemanusiaan anjuran Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia di Dataran Merdeka di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, beliau hairan dengan jumlah gaji yang diluluskan DUN Sabah melebihi kadar yang disediakan oleh kerajaan negeri lain.

"Ini menunjukkan Pairin menggunakan wang Kerajaan Pusat untuk merasuah Adunnya kerana kedudukan ekonomi negeri menunjukkan ia tidak sesuai.

"Sepatutnya kalau dia hendak sogok orang politik, gunakanlah wang sendiri dan jangan babitkan peruntukan Pusat," katanya.

Awal bulan ini, DUN Sabah meluluskan Rang Undang-Undang kenaikan gaji menteri Kabinet,

masa yang sama kerana beliau mempunyai kepentingan politik dan membuat keputusan mengikut kehendaknya semata-mata.

"Sepatutnya seseorang Adun yang membuat salah boleh dihentikan daripada menjadi ahli dewan jika dia benar-benar membuat salah dan dibuktikan di mahkamah.

"Kalau kita sendiri yang tentukannya bermakna hukumannya tidak adil bahkan menunjukkan penyalahgunaan kuasa di kalangan pemimpin politik," katanya.

Sehubungan dengan itu, Dr Mahathir berkata, Umno tidak teragak-agak membawa kes itu ke mahkamah jika tindakan Pairin menyebabkan Adun Umno tersingkir daripada DUN.

"Kita terpaksa membawa kes ini ke mahkamah kalau kita tidak diwakili kerana kita berpendapat langkah Pairin itu bertentangan prinsip demokrasi," katanya.